

Pembelajaran Kendiri (*Merdeka Belajar*) Dalam Tinjauan Falsafah dan Hadis; Dinamika Pendidikan di Indonesia

Independent Learning in Philosophy and Hadis Review; Education Dynamics in Indonesia

Wan Muhammad Fariq^a, Rino Riyaldi^{a*}, Nik Mohd Zaim Ab Rahim^b

^aInstitut Agama Islam Negeri Datuk Laksemama Bengkalis, Riau Indonesia

^bFakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Sultan Yahya Petra 54100 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: rinoriyaldi@kampusmelayu.ac.id

Article history

Received: 2023-10-30 Received in revised form: 202510-10 Accepted: 2025-10-13 Published online: 2026-02-28

Abstract

In recent years, Indonesia has been actively implementing the Merdeka Belajar agenda, a form of independent learning applied comprehensively from lower levels to higher education. This concept, typically associated with modern educational theories rooted in Western philosophical thought, also has roots in the Islamic scientific tradition, particularly through the hadis of the Prophet Muhammad SAW. This article aims to review the concept of independent learning within the framework of philosophy and hadis as a dynamic contribution to the renewal of national education in Indonesia. This study employs a qualitative approach through literature analysis, with the data analyzed thematically. The results of the study show that the principles of independent learning have long existed in the Islamic tradition. The selected hadiss show the five main principles of independent learning: (1) freedom to seek knowledge, (2) freedom to choose the field of knowledge, (3) freedom to choose sources and teachers, (4) the obligation to disseminate knowledge and provide benefits to society, and (5) the principle of lifelong learning. This discovery provides critical epistemological principles to support the foundations of current education and offers an alternative paradigm that emphasizes prophetic values in addressing contemporary educational challenges.

Keywords: *Independent Learning, hadis, educational philosophy, lifelong learning*

Abstrak

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Indonesia giat melaksanakan agenda Merdeka Belajar, iaitu satu bentuk pembelajaran sendiri yang diterapkan secara menyeluruh dari peringkat rendah hingga ke pendidikan tinggi. Konsep ini, yang lazimnya dikaitkan dengan teori pendidikan moden berasaskan pemikiran falsafah Barat, turut mempunyai akar dalam tradisi keilmuan Islam, khususnya menerusi sumber hadis Nabi Muhammad SAW. Artikel ini bertujuan meninjau konsep pembelajaran sendiri dalam kerangka falsafah dan hadis sebagai sumbangan dinamik terhadap pembaharuan pendidikan nasional di Indonesia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur dan data dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip pembelajaran sendiri telah lama wujud dalam tradisi Islam. Hadis-hadis terpilih menunjukkan lima prinsip utama pembelajaran sendiri: (1) kebebasan dalam menuntut ilmu, (2) kebebasan memilih bidang ilmu, (3) kebebasan memilih sumber dan guru, (4) kewajipan menyebarkan ilmu serta memberi manfaat kepada masyarakat, dan (5) prinsip pembelajaran sepanjang hayat. Penemuan ini memberikan asas epistemologi penting dalam menyokong dasar pendidikan semasa, serta menawarkan paradigma alternatif yang berteraskan nilai-nilai profetik dalam mendepani cabaran pendidikan kontemporari.

Kata kunci: *Merdeka Belajar, pembelajaran sendiri, hadis, falsafah pendidikan, pembelajaran sepanjang hayat*

1.0 PENGENALAN

Sejak tahun 2020, sistem pendidikan di Indonesia mula memperlihatkan ciri baharu melalui pelaksanaan gerakan pembelajaran sendiri (Merdeka Belajar) yang diperkenalkan oleh Nadiem Makarim, selaku Menteri Pendidikan, Kebudayaan, Penyelidikan dan Teknologi Republik Indonesia. Dasar mengenai hal ini secara rasmi tertuang dalam Surat Pekeliling No. 1 Tahun 2020 tentang Dasar Merdeka Belajar, Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan No. 3 Tahun 2020 tentang Standard Pendidikan Tinggi Nasional, serta beberapa peraturan lain yang meliputi semua peringkat pendidikan daripada sekolah dasar hingga ke perguruan tinggi. Melalui dasar ini, diharapkan gerakan pembelajaran sendiri dan kurikulum merdeka dapat memberi ruang kepada guru dan pelajar untuk berinovasi serta bebas dalam proses pembelajaran.

Secara konseptual, pembelajaran sendiri atau yang sering disebut sebagai kebebasan belajar bertujuan memberikan autonomi kepada pelajar dalam mengatur dan mengembangkan kaedah pembelajaran mereka sendiri. Pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk memilih bidang atau mata pelajaran yang sesuai dengan minat dan bakat mereka, agar potensi yang dimiliki dapat dikembangkan secara optimum. Dengan demikian, pendidikan bukan sahaja menjadi proses pemindahan ilmu, tetapi juga wahana pembentukan kreativiti, keperibadian, dan keupayaan individu dalam memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Menurut Nadiem Makarim (2020), pembelajaran sendiri merupakan satu konsep pembangunan pendidikan holistik di mana semua pihak berkepentingan termasuk keluarga, guru, institusi pendidikan, dunia industri, dan masyarakat diharapkan dapat berperanan sebagai agen perubahan. Dalam konteks ini, pendidikan tidak lagi menjadi tanggungjawab sekolah semata-mata, tetapi merupakan usaha kolektif seluruh ekosistem pendidikan untuk membentuk generasi yang merdeka dalam berfikir dan bertindak.

Selaras dengan itu, konsep pembelajaran sendiri menggalakkan pelajar untuk lebih aktif, kreatif, dan bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran mereka sendiri. Pelajar tidak hanya berperanan sebagai penerima ilmu secara pasif, tetapi juga sebagai subjek yang menentukan cara belajar mengikut keperluan dan minat masing-masing. Pendekatan ini diharapkan dapat meningkatkan mutu pendidikan nasional, memperkukuh budaya inovasi dan daya cipta, serta melahirkan generasi pembelajar sepanjang hayat yang mampu bersaing dalam era globalisasi dan perubahan teknologi yang pesat.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu berkaitan dengan konsep pembelajaran sendiri. Kajian oleh Aprilia dan Bustam (2021) membincangkan Konsep Merdeka Belajar dalam Perspektif Pendidikan Islam melalui pendekatan historis. Kajian ini menyorot gagasan Merdeka Belajar dalam konteks pendidikan Islam serta relevansinya terhadap nilai-nilai keagamaan. Seterusnya, Yusuf dan Arfiansyah (2021) mengkaji konsep pembelajaran sendiri berdasarkan falsafah konstruktivisme, yang menekankan peranan aktif pelajar dalam membina pengetahuan melalui pengalaman pembelajaran. Dalam tahun yang sama, Sili (2021) turut menjalankan kajian yang meneliti idea-idea Carl Rogers yang berkaitan rapat dengan pembelajaran sendiri, khususnya mengenai konsep pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centered learning*).

Kajian oleh Wulandari dan Fauziati (2022) pula membincangkan pembelajaran sendiri daripada perspektif Paulo Freire, dengan menekankan bahawa pendidikan yang membebaskan ialah pendidikan yang mampu memupuk kesedaran kritikal transitif dalam kalangan pelajar. Sementara itu, Indriyani (2022) turut mengkaji konsep pendidikan pembelajaran sendiri dari sudut

pandang falsafah humanisme, yang memberi penekanan terhadap kebebasan, nilai kemanusiaan, dan potensi diri pelajar.

Selanjutnya, Arsyad dan Mukoyimah (2023) mengkaji Merdeka Belajar (pembelajaran sendiri) dan Kampus Merdeka berdasarkan perspektif falsafah pendidikan Barat dan Timur, serta meneliti penerapannya dalam konteks realiti pendidikan masa kini. Kajian terkini oleh Solihah, Nurislamiah, dan Kurniawan (2024) pula meninjau konsep pembelajaran sendiri daripada perspektif falsafah pendidikan aliran esensialisme, yang menekankan kepentingan pengetahuan asas dan pembentukan karakter pelajar sebagai matlamat utama pendidikan.

Berdasarkan keseluruhan kajian lepas tersebut, dapat dirumuskan bahawa perbincangan tentang konsep pembelajaran sendiri masih tertumpu kepada pandangan ahli falsafah dan paradigma Barat. Sehingga kini, belum terdapat penyelidikan yang secara khusus mengkaji konsep pembelajaran sendiri berdasarkan sumber Islam, khususnya yang bersumberkan hadis Nabi Muhammad SAW. Hal ini menunjukkan wujudnya jurang kajian yang penting untuk diterokai bagi memperkaya pemahaman tentang konsep pembelajaran sendiri daripada perspektif Islam.

Malah, konsep pembelajaran sendiri sebenarnya turut dapat dikesan dalam beberapa hadis Nabi Muhammad SAW yang memperlihatkan penghargaan tinggi Islam terhadap kebebasan menuntut ilmu. Hal ini dibuktikan dengan hakikat bahawa bab awal dalam koleksi hadis seperti Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dimulakan dengan perbincangan berkaitan ilmu. Para sahabat Nabi juga terkenal dengan semangat yang tinggi dalam mencari ilmu pengetahuan. Rasulullah SAW sendiri tidak mengehadkan mereka dalam skop pembelajaran, bahkan menggalakkan keterbukaan dalam memperluas horizon ilmu. Sebagai contoh, Baginda SAW pernah memerintahkan Zaid bin Thabit agar mempelajari tulisan kaum Yahudi (bahasa Ibrani) sebagai langkah strategik dalam memahami komunikasi musuh dan mengurus surat-menyurat.

Situasi ini menunjukkan bahawa kebebasan menuntut ilmu dalam Islam tidak terhad kepada ilmu keagamaan semata-mata, tetapi meliputi semua disiplin ilmu yang membawa manfaat kepada manusia. Lebih menarik, Islam turut memberikan ruang kepada golongan wanita untuk terlibat aktif dalam kegiatan pendidikan dan penyebaran ilmu, sesuatu yang pada masa itu dianggap luar biasa dalam struktur sosial masyarakat Arab.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan membincangkan konsep pembelajaran sendiri yang terkandung dalam hadis Nabi Muhammad SAW serta atsar para sahabat Baginda. Kajian ini berusaha menjawab persoalan sama ada konsep kebebasan belajar terdapat dalam hadis, serta mengenal pasti pertautan konsep antara pembelajaran sendiri menurut pandangan sarjana Barat dan pandangan Islam. Untuk mencapai tujuan tersebut, pengkaji terlebih dahulu akan menganalisis konsep pembelajaran sendiri menurut falsafah Barat, sebelum menganalisis kandungan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW yang berkaitan dengan pembelajaran sendiri.

2.0 METODOLOGI

Kajian ini mengguna pakai pendekatan kualitatif yang mendalam dengan tumpuan utama kepada kajian literatur (*library research*). Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji menyelami, menganalisis dan mentafsir maklumat daripada pelbagai sumber bertulis secara terperinci serta sistematik. Kaedah ini dianggap paling sesuai untuk mencapai objektif kajian yang bertujuan meneliti konsep pembelajaran sendiri daripada perspektif Islam dan pendidikan kontemporari. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat menelusuri pandangan para sarjana serta

menilai sumber-sumber Islam yang berautoriti bagi membina pemahaman yang menyeluruh dan relevan dengan konteks pendidikan masa kini.

Data yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dua kategori utama, iaitu data primer dan data sekunder, yang saling melengkapi antara satu sama lain. Data primer diperoleh secara langsung daripada kitab-kitab hadis muktabar, yang merupakan himpunan sahih ajaran dan amalan Nabi Muhammad SAW. Dalam hal ini, pengkaji meneliti dan memilih hadis-hadis yang berkaitan dengan nilai dan prinsip pembelajaran sendiri, seperti unsur inisiatif, kebebasan, dan tanggungjawab dalam proses menuntut ilmu. Hadis-hadis ini menjadi asas utama dalam memahami bagaimana konsep pembelajaran sendiri telah diaplikasikan dan digariskan dalam ajaran Islam.

Sementara itu, data sekunder merangkumi pelbagai bahan bertulis seperti buku-buku ilmiah, artikel jurnal, disertasi, serta hasil penyelidikan lain yang relevan dengan tema pembelajaran sendiri, teori pendidikan moden, dan pedagogi Islam. Sumber sekunder ini berperanan sebagai bahan rujukan tambahan bagi menyokong analisis terhadap data primer, di samping memperkuat asas teori dan hujah yang dibina dalam kajian ini. Gabungan kedua-dua jenis data ini membolehkan pengkaji memperoleh pandangan yang seimbang antara sumber keislaman dan pemikiran kontemporari dalam bidang pendidikan.

Dari segi analisis data, kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis tematik (thematic analysis) seperti yang diuraikan oleh Jason dan Glenwick (2016). Kaedah ini melibatkan proses mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak atau tema utama yang muncul secara berulang dalam data yang dikumpulkan. Analisis tematik ini memberi ruang kepada pengkaji untuk meneliti makna tersurat dan tersirat dalam teks, sekali gus memahami prinsip serta nilai yang mendasari konsep pembelajaran sendiri menurut perspektif Islam. Setelah hadis-hadis yang relevan diperoleh, pengkaji menganalisis kandungannya secara mendalam dengan meneliti konteks periwayatan, maksud lafaz, dan implikasinya terhadap pembentukan sikap belajar yang bebas dan bertanggungjawab.

Analisis ini tidak terhad kepada penafsiran tekstual semata-mata, tetapi turut melibatkan perbandingan dan penghubungannya dengan teori pendidikan moden serta hasil kajian terdahulu yang berkaitan. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menilai sejauh mana prinsip pembelajaran sendiri yang terkandung dalam hadis Nabi Muhammad SAW bersifat universal dan sejalan dengan pemikiran pendidikan kontemporari. Melalui analisis yang mendalam terhadap kedua-dua sumber ini, kajian ini diharapkan dapat membina satu pemahaman yang holistik dan integratif tentang konsep pembelajaran sendiri bukan sahaja dari sudut falsafah Barat, tetapi juga berdasarkan pandangan Islam yang berpaksikan wahyu dan tradisi keilmuan Nabi SAW.

3.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

3.1 Konsep Pembelajaran Kendiri (*Merdeka Belajar*) Dalam Kajian Falsafah

Konsep pembelajaran sendiri tidak dapat dipisahkan daripada asas falsafah pendidikan yang dibangunkan oleh para sarjana, sama ada dari dunia Barat mahupun Timur. Hal ini demikian kerana setiap gagasan tentang pembelajaran sendiri berakar daripada pandangan falsafah yang menekankan peranan individu dalam proses memperoleh dan mengembangkan ilmu. Apabila konsep ini dikaji dari sudut pandang falsafah, dapat ditemukan pelbagai persamaan dan hubungan antara prinsip pembelajaran sendiri dengan aliran-aliran pemikiran pendidikan yang berkembang dalam tradisi falsafah dunia.

Secara khusus, beberapa aliran falsafah yang mempunyai kaitan rapat dengan pembelajaran sendiri ialah *humanisme*, *konstruktivisme*, *progresivisme*, serta falsafah pembelajaran sepanjang hayat. Setiap aliran ini memberi penekanan terhadap kebebasan individu, keaktifan pelajar, serta tanggungjawab terhadap proses pembelajaran sendiri. Pemahaman terhadap asas falsafah ini penting bagi menjelaskan bagaimana idea pembelajaran sendiri terbentuk dan diaplikasikan dalam konteks pendidikan moden.

3.1.1 Falsafah Pendidikan Humanisme (kemanusiaan)

Falsafah pendidikan humanisme berpaksikan kepada kepercayaan bahawa tujuan utama pendidikan ialah untuk mengembangkan potensi manusia secara menyeluruh — bukan sekadar dari aspek intelektual, tetapi juga emosi, moral, dan spiritual. Menurut teori pembelajaran humanistik, pendidikan perlu memberi tumpuan kepada pembangunan insan dan pertumbuhan peribadi pelajar. Hal ini selaras dengan pandangan bahawa manusia secara semula jadi mempunyai kecenderungan untuk belajar, tumbuh, dan mencapai tahap perkembangan diri yang optimum (Johnson, 2019).

Pendekatan humanistik terhadap pendidikan berasaskan prinsip-prinsip falsafah humanisme, yang dipelopori oleh tokoh seperti Abraham Maslow (1908–1970) dan Carl Rogers (1902–1987). Kedua-dua sarjana ini menekankan bahawa pembelajaran harus berpusatkan pelajar dan memandang manusia sebagai individu yang memiliki potensi, minat, dan keunikan tersendiri. Bagi mereka, pendidikan bukan sekadar proses pemindahan ilmu, tetapi juga suatu usaha untuk membentuk insan yang seimbang dengan memberi ruang kepada pelajar untuk bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran mereka secara autonomi dan intrinsik, bukan kerana dorongan luaran semata-mata.

Matlamat utama pendidikan berteraskan humanisme adalah kesejahteraan dan kemanusiaan, yang menegaskan nilai-nilai seperti maruah manusia, kebebasan, dan pengembangan potensi diri. Oleh itu, pendidikan dalam kerangka humanisme harus menjadi proses pembentukan diri yang bebas dan berpaksikan kepada keunikan setiap individu. Min Ya dan Ya Min Aung (2020) menegaskan bahawa pendidikan mestilah tanpa paksaan atau kekangan, kerana matlamat tertingginya ialah melahirkan insan yang berautonomi dan mampu merealisasikan potensi diri sepenuhnya.

Selain itu, pendekatan humanistik turut menekankan dimensi kemanusiaan dan holistik dalam pembangunan sosial. Menurut UNESCO Publishing (2015), model pendidikan berteraskan kemanusiaan perlu menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang adil, inklusif, dan berperikemanusiaan. Pendidikan seharusnya melangkaui orientasi utilitarian dan ekonomi semata-mata, dengan mengintegrasikan nilai etika, keadilan sosial, serta kesaksamaan peluang pendidikan bagi golongan rentan seperti wanita, masyarakat orang asli, dan individu kurang upaya.

Berdasarkan pandangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa pembelajaran sendiri amat selaras dengan falsafah humanisme yang menekankan kebebasan individu dalam mengembangkan potensi diri. Konsep seperti kemandirian, kreativiti, dan tanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri merupakan prinsip asas yang dikongsi oleh kedua-dua gagasan ini. Justeru, pembelajaran sendiri dapat dilihat sebagai manifestasi praktikal falsafah humanisme dalam konteks pendidikan moden.

3.1.2 Falsafah Pendidikan Konstruktivisme

Falsafah konstruktivisme berasaskan kepada pemahaman bahawa pengetahuan tidak diperoleh secara pasif, tetapi dibina secara aktif melalui pengalaman individu dan interaksi mereka dengan persekitaran. Menurut Driscoll seperti yang dipetik oleh Bada dan Steve Olusegun (2015), teori pembelajaran konstruktivisme menekankan peranan pengalaman serta hubungan individu dengan persekitaran dalam membentuk pemahaman dan pembelajaran seseorang pelajar. Dalam pandangan ini, manusia dianggap sebagai pencipta makna — mereka menjana pengetahuan dan membentuk pemahaman berdasarkan pengalaman hidup, bukan sekadar menerima maklumat secara langsung daripada dunia luar.

Pemikir-pemikir konstruktivis utama seperti Jean Piaget (1954), John Dewey (1929), dan Lev Vygotsky (1978) berpandangan bahawa setiap pelajar datang ke dalam proses pembelajaran dengan set pengetahuan dan pengalaman sedia ada yang akan mempengaruhi cara mereka memahami maklumat baharu (Johnson, 2019). Pelajar tidak sekadar memindahkan maklumat daripada luar ke dalam ingatan mereka, sebaliknya mereka membina tafsiran peribadi terhadap dunia berdasarkan pengalaman dan interaksi sosial. Oleh itu, pengetahuan bersifat dinamik dan sentiasa terbuka kepada perubahan, bergantung kepada bagaimana seseorang individu menafsirkan dan menghubungkan pengalaman lama dengan pengalaman baharu (Ertmer & Newby, 2013).

Fosnot (2005) menegaskan bahawa konstruktivisme ialah teori psikologi pasca-strukturalis yang melihat pembelajaran sebagai proses pembangunan interpretif dan reflektif yang berlaku secara berterusan, bukan linear. Dalam teori ini, pelajar dianggap sebagai agen aktif yang berinteraksi dengan persekitaran fizikal dan sosial mereka untuk mencipta makna. Pendidikan dalam kerangka konstruktivisme tidak lagi menekankan pengulangan atau peneguhan tingkah laku, tetapi memberi ruang kepada pelajar untuk membentuk struktur pemikiran, bahasa, dan pemahaman mereka sendiri secara kreatif dan kontekstual.

Dalam konteks pembelajaran sendiri, pandangan konstruktivisme mempunyai hubungan yang sangat rapat. Kedua-duanya menekankan peranan aktif pelajar dalam membina pengetahuan, kebebasan dalam menentukan arah pembelajaran, dan keupayaan reflektif terhadap pengalaman. Melalui pendekatan konstruktivisme, pelajar digalakkan untuk meneroka, menilai, dan menghubungkan pengalaman baharu dengan pengetahuan sedia ada, seterusnya membentuk pemahaman yang lebih mendalam dan bermakna. Dengan cara ini, pembelajaran menjadi satu proses yang dinamik, berterusan, dan berkembang seiring dengan pengalaman hidup, sejajar dengan prinsip asas pembelajaran sendiri yang menekankan inisiatif, tanggungjawab, dan kebebasan individu dalam menuntut ilmu.

3.1.3 Falsafah Pendidikan Progresivisme

Falsafah progresivisme lahir daripada asas pemikiran pragmatisme, yang menekankan bahawa pengetahuan sentiasa berkembang melalui pengalaman dan interaksi dengan dunia nyata. Dalam konteks pendidikan, aliran progresivisme menolak pendekatan tradisional yang berpusatkan guru dan sebaliknya menegaskan bahawa pembelajaran harus berpusatkan pelajar (Aslan, 2018). Pandangan ini menekankan bahawa pelajar perlu digalakkan untuk berfikir secara kritis, mengambil bahagian aktif dalam proses pembelajaran, dan mengutamakan pendekatan berasaskan penyelesaian masalah (Gary Thomas, 2021). Dalam kerangka ini, proses pembelajaran dianggap lebih penting daripada kandungan atau guru itu sendiri (Edwards et al., 2014).

Progresivisme melihat pendidikan sebagai satu proses pembinaan pengalaman yang berterusan, di mana pengalaman sedia ada pelajar menjadi asas kepada pembelajaran baharu. Justeru, persekitaran pembelajaran perlu disusun mengikut keperluan, minat, dan latar belakang pelajar agar mereka dapat mengaitkan pengetahuan dengan realiti kehidupan. Menurut Kaya dan Kaya (2017), matlamat pendidikan dalam kerangka progresivisme bersifat dinamik dan adaptif, seiring dengan perubahan sosial, budaya, serta kemajuan teknologi yang berlaku dalam masyarakat.

Aliran progresivisme mula diperkenalkan oleh John Dewey (1859–1952), tokoh yang melihat pendidikan sebagai satu proses yang bersifat retrospektif dan prospektif. Dalam pandangannya, pendidikan bukan sahaja menghubungkan masa kini dengan masa lalu, tetapi juga mempersiapkan pelajar untuk masa depan dengan menjadikan pengalaman lepas sebagai asas pembangunan potensi dan pengetahuan yang baharu (Dewey, 1916).

Apabila dikaitkan dengan konsep pembelajaran sendiri, falsafah progresivisme mempunyai hubungan yang erat dari segi penekanan terhadap keaktifan pelajar dan pembangunan potensi individu. Kedua-duanya menolak model pengajaran pasif dan menegaskan kepentingan peranan pelajar sebagai agen utama dalam proses pembelajaran. Namun begitu, terdapat perbezaan penekanan antara kedua-dua pendekatan ini. Progresivisme memberi tumpuan kepada pembelajaran berasaskan masalah (problem solving) sebagai kaedah utama membentuk kemahiran berfikir dan menyelesaikan cabaran kehidupan, manakala pembelajaran sendiri lebih menitikberatkan kebebasan (autonomi) dan tanggungjawab individu dalam mengurus serta menentukan arah pembelajaran mereka sendiri. Kedua-duanya saling melengkapi dalam membentuk pendidikan yang dinamik, reflektif, dan berpusatkan pelajar.

3.1.4 Falsafah Pendidikan Sepanjang Hayat (Lifelong Learning)

Secara falsafahnya, pembelajaran sepanjang hayat berakar pada pandangan bahawa pendidikan merupakan proses yang berterusan dan tidak berakhir dalam batas formal institusi. Menurut Lewis seperti yang dipetik oleh Talmage et al. (2015), konsep pembelajaran sepanjang hayat berfungsi sebagai mekanisme peningkatan diri, pengembangan komuniti, dan pertumbuhan psikologi individu. Ia tidak hanya menekankan pemerolehan ilmu, tetapi juga membentuk sikap dan kebiasaan yang mendorong individu untuk terus mengembangkan pengetahuan, kemahiran, serta kecekapan diri secara berterusan sepanjang hayat mereka (Aleandri & Refrigieri, 2013).

Konsep ini bersifat multidimensi, merangkumi pelbagai bentuk pendidikan sama ada formal, tidak formal, mahupun informal yang berlaku sejak peringkat prasekolah hingga ke usia dewasa. Gagasan pembelajaran sepanjang hayat mula mendapat perhatian global apabila UNESCO menerbitkan laporan bersejarah *Learning to Be* pada tahun 1972, yang menekankan keperluan membentuk masyarakat pembelajar (learning society) untuk menghadapi cabaran abad ke-21 (Filho et al., 2018). Pembelajaran sepanjang hayat terus berkembang sebagai satu pendekatan penting dalam merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), khususnya dalam bidang pendidikan (Do et al., 2021).

Walaupun sering disalah tafsirkan secara sempit sebagai sekadar pendidikan dewasa, pendidikan berterusan, atau pembangunan kemahiran kebolehterapan, pemahaman yang lebih holistik terhadap falsafah pembelajaran sepanjang hayat menegaskan bahawa pembelajaran berlaku sepanjang hayat, pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja, oleh sesiapa sahaja, dan tentang apa-apa sahaja (UNESCO, 2020). Ia mencakupi pembelajaran formal di institusi pendidikan, tidak formal melalui latihan atau komuniti, dan informal melalui pengalaman hidup seharian, termasuk dalam persekitaran digital dan maya yang semakin berkembang.

Apabila dikaitkan dengan konsep pembelajaran sendiri, falsafah pendidikan sepanjang hayat mempunyai hubungan yang sangat erat. Kedua-duanya menekankan kebebasan dan tanggungjawab individu dalam mengurus proses pembelajaran mereka. Jika pembelajaran sepanjang hayat menegaskan bahawa pembelajaran tidak berakhir selepas pendidikan formal, maka pembelajaran sendiri menumpukan kepada inisiatif, autonomi, dan motivasi dalaman individu untuk terus mencari dan mengembangkan ilmu secara berterusan. Dalam hal ini, pembelajaran sendiri dapat dianggap sebagai teras pelaksanaan falsafah pembelajaran sepanjang hayat, kerana ia memberi ruang kepada individu untuk terus memperkaya diri melalui pengalaman dan sumber pembelajaran tanpa batasan waktu dan tempat.

3.2 Konsep Pembelajaran Kendiri (*Merdeka Belajar*) Dalam Hadis

Jika diteliti dengan lebih mendalam, beberapa hadis Nabi Muhammad SAW dan atsar para sahabat turut memperlihatkan wujudnya konsep pembelajaran sendiri dalam tradisi Islam. Hal ini menunjukkan bahawa gagasan mengenai kebebasan belajar bukanlah suatu konsep baharu yang hanya muncul dalam falsafah pendidikan moden, sebaliknya telah berakar sejak zaman Rasulullah SAW. Prinsip kebebasan, tanggungjawab, dan inisiatif dalam menuntut ilmu telah menjadi antara nilai asas dalam ajaran Islam yang menekankan kepentingan ilmu pengetahuan bagi pembinaan peribadi dan kemajuan umat.

Hadis-hadis yang berkaitan memperlihatkan bahawa Islam memberikan ruang kebebasan yang luas kepada individu untuk belajar, memilih bidang ilmu yang diminati, serta mengembangkan potensi diri mengikut kemampuan masing-masing. Mesej yang tersirat dalam hadis-hadis tersebut lebih cenderung kepada penegasan bahawa manusia mempunyai kebebasan dan tanggungjawab terhadap usaha pembelajarannya sendiri. Kebebasan ini bukan bermaksud tanpa batas, tetapi berlandaskan nilai-nilai moral, adab, dan tujuan mencari ilmu yang diredai Allah SWT.

Berdasarkan pemahaman tersebut, bahagian ini akan menghuraikan beberapa hadis dan atsar sahabat yang mempunyai kaitan langsung dengan konsep pembelajaran sendiri. Analisis terhadap hadis-hadis ini akan membantu menjelaskan bagaimana nilai-nilai Islam seperti kebebasan berfikir, inisiatif belajar, serta dorongan untuk terus menuntut ilmu menjadi landasan penting dalam memahami pembelajaran sendiri menurut perspektif Islam. Berikut merupakan beberapa hadis yang berkaitan dengan konsep tersebut:

3.2.1 Kebebasan dalam Menuntut Ilmu

Dalam ajaran Islam, pendidikan merupakan hak paling asas bagi setiap manusia, tanpa mengira jantina, status sosial mahupun latar belakang. Rasulullah SAW menegaskan kepentingan menuntut ilmu dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah;

حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عَمَّارٍ قَالَ: حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ سُلَيْمَانَ قَالَ: حَدَّثَنَا كَثِيرُ بْنُ شَيْطِيرٍ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ، وَوَاضِعُ الْعِلْمِ عِنْدَ غَيْرِ أَهْلِهِ كَمُقْلَدِ الْخَنَازِيرِ الْجَوْهَرَ وَاللُّؤْلُؤَ وَالذَّهَبَ"

Maksudnya: Telah memberitahu kami Hisham bin Ammār dia berkata: Telah memberitahu kami Hafsh bin Sulaimān dia berkata: Telah memberitahu kami Katsīr bin Syinthīr, daripada Muhammad bin Sīrīn, daripada Anas bin Mālik dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: Menuntut ilmu adalah kewajiban bagi setiap Muslim, dan sesiapa yang memberikan ilmu kepada bukan ahlinya adalah seperti orang yang meletakkan permata, mutiara dan emas pada seekor babi. (Hadis Riwayat Ibn Majah nombor Hadis 224).

Menurut Ibn Mājah (tt), sanad hadis ini dinilai dha'if kerana kelemahan perawi, Hafsh bin Sulaiman. Namun demikian, Imam al-Suyūṭī menjelaskan bahawa walaupun sanadnya lemah, maknanya sahih, kerana ia selaras dengan prinsip umum Islam yang mewajibkan pencarian ilmu. Pendapat ini turut disokong oleh Jamāl al-Dīn al-Muzzī, yang menyatakan bahawa hadis ini diriwayatkan melalui pelbagai jalur yang menjadikannya mencapai darjat hasan, sebagaimana dihimpunkan dalam satu juzuk oleh Imam al-Suyūṭī.

Penjelasan terhadap lafaz (عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ) menurut Ibn Mūsā (2006) menunjukkan bahawa kewajipan menuntut ilmu dikenakan ke atas setiap mukallaf, iaitu individu yang telah baligh dan berakal, tanpa membezakan antara lelaki dan perempuan. Walaupun sebahagian riwayat menambah lafaz (ومسلمة), ia tidak terdapat dalam hadis asal, namun maknanya tetap benar kerana Islam tidak mengehadkan pendidikan kepada lelaki sahaja (al-Sakhāwī dalam al-Maqāsid al-Hasanah, dirujuk oleh Ibn Mūsā, 2006). Samiyah Munis (1996) menegaskan bahawa hadis ini secara tersirat menunjukkan wanita juga memiliki hak dan kebebasan untuk menuntut ilmu, sejajar dengan tanggungjawab syarak yang mereka pikul.

Peranan wanita dalam pendidikan Islam terbukti sejak zaman Rasulullah SAW, antaranya melalui tokoh seperti Sayyidah Aisyah r.a., yang meriwayatkan lebih 2,210 hadis dan menjadi rujukan utama sahabat dalam bidang hukum dan ibadah. Bahkan terdapat riwayat yang menggambarkan bahawa para wanita pernah menyuarakan keinginan mereka untuk memperoleh peluang pembelajaran yang sama dengan lelaki, kerana mereka sering tidak dapat mendengar pengajaran Nabi SAW secara langsung di masjid (al-Thālibī, 1998). Keadaan ini menggambarkan kesedaran awal terhadap hak dan kebebasan intelektual wanita dalam Islam.

Walau bagaimanapun, jurang pendidikan antara lelaki dan wanita masih wujud dalam sebahagian masyarakat Islam moden, khususnya di negara-negara yang dikuasai kelompok fundamentalis. Contoh jelas ialah perjuangan Malala Yousafzai di Pakistan yang memperjuangkan pendidikan bagi kanak-kanak perempuan ketika sekolah-sekolah wanita ditutup oleh rejim Taliban. Keberaniannya menentang ketidakadilan ini hingga beliau ditembak pada tahun 2012 memperlihatkan bahawa hak untuk belajar adalah manifestasi kebebasan kemanusiaan yang sejagat (Peters, 2018).

Prinsip kebebasan pendidikan ini turut menjadi nilai sejagat yang diakui di seluruh dunia. Di Amerika Syarikat, misalnya, Presiden Franklin D. Roosevelt dalam pidatonya pada tahun 1941 menegaskan empat kebebasan asasi manusia, termasuk kebebasan memperoleh pendidikan tanpa diskriminasi. Pada masa itu, masyarakat kulit hitam (Negro) berdepan penindasan dalam bidang ekonomi, politik dan pendidikan (Brown, 2014). Ini menunjukkan bahawa pendidikan bebas dan setara adalah asas kepada keadilan sosial dan kemajuan peradaban.

Adapun penjelasan terhadap frasa (كَمْفَلِدِ الْخَنَازِيرِ الْجَوْهَرَ وَاللُّؤْلُؤَ وَالذَّهَبَ) dalam hadis di atas, ia mengandungi metafora yang mendalam. Menurut Ibn Mūsā (2006), perumpamaan ini menggambarkan perbuatan zalim apabila ilmu disampaikan kepada bukan ahlinya. Seperti meletakkan permata kepada haiwan yang hina, tindakan itu menggambarkan penyelewengan amanah ilmu yang sepatutnya diberikan kepada orang yang layak dan beradab terhadapnya.

Secara keseluruhan, hadis ini menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf pendidikan sebagai hak asasi dan kewajipan moral setiap Muslim. Ia bukan sahaja menuntut umatnya untuk mencari ilmu, tetapi juga menggalakkan kebebasan dalam proses pembelajaran. Jika dikaitkan dengan konsep pembelajaran sendiri, kedua-duanya menekankan kebebasan intelektual dan tanggungjawab individu dalam menuntut ilmu sesuai dengan minat, bakat, dan potensi masing-

masing (Saiful et al., 2024). Dengan demikian, ajaran Islam bukan sekadar menyeru umatnya belajar, tetapi juga mengiktiraf hak manusia untuk belajar secara bebas dan berterusan sepanjang hayat.

3.2.2 Kebebasan dalam Memilih Ilmu

Selain menekankan kewajipan menuntut ilmu, Islam juga memberikan kebebasan kepada umatnya dalam memilih bidang ilmu yang ingin dipelajari. Prinsip ini menunjukkan bahawa Islam tidak menghadkan ilmu kepada aspek keagamaan semata-mata, tetapi turut mengiktiraf kepentingan ilmu duniawi yang bermanfaat bagi pembangunan insan dan masyarakat. Rasulullah SAW sendiri memberi contoh nyata dalam hal ini melalui peristiwa ketika baginda memerintahkan sahabatnya, Zaid bin Thabit, untuk mempelajari tulisan kaum Yahudi. Hadis tersebut diriwayatkan oleh al-Tirmidzi seperti berikut:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حُجْرٍ، قَالَ: أَخْبَرَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي الزِّنَادِ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ خَارِجَةَ بْنِ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ، عَنْ أَبِيهِ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ، قَالَ: أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَتَعَلَّمَ لَهُ كَلِمَاتٍ مِنْ كِتَابِ يَهُودَ قَالَ: إِيَّيَّيْ وَاللَّهِ مَا أَمَّنُ يَهُودَ عَلَى كِتَابٍ قَالَ: فَمَا مَرَّ بِي نِصْفُ شَهْرٍ حَتَّى تَعَلَّمْتُهُ لَهُ قَالَ: فَلَمَّا تَعَلَّمْتُهُ كَانَ إِذَا كَتَبَ إِلَى يَهُودَ كَتَبْتُ إِلَيْهِمْ، وَإِذَا كَتَبُوا إِلَيْهِ قَرَأْتُ لَهُ كِتَابَهُمْ.

Maksudnya: 'Telah memberitahu kami 'Alī bin Hujr, katanya: 'Telah memberitahu kami 'Abd al-Rahman bin Abī al-Zinād, daripada bapanya, daripada Khārijah bin Zaid bin Thābit, daripada bapanya Zaid bin Thābit, katanya: "Rasulullah SAW memerintahkanku untuk mempelajari tulisan-tulisan Yahudi. Baginda bersabda: Demi Allah, aku tidak percaya sepenuhnya terhadap surat-surat yang dikirimkan oleh orang-orang Yahudi." Zaid berkata: "Tidak sampai setengah bulan aku pun telah mempelajarinya, dan setelah itu apabila Rasulullah SAW ingin mengirimkan surat kepada orang Yahudi, aku yang menuliskannya, dan apabila mereka menulis surat kepada baginda, akulah yang membacakannya." (Hadis Hasan Riwayat al-Tirmidzi: 2715)

Menurut al-Qarī seperti yang dijelaskan oleh Kafūrī dalam *Tuhfah al-Ahwazī bi Sharh Jāmi' al-Tirmidzī* (t.t), hadis ini menjadi dalil bahawa mempelajari perkara atau bahasa yang bukan berasal daripada ajaran Islam tidak dilarang, asalkan ia bertujuan untuk kebaikan dan berhati-hati terhadap kemudharatan. Penjelasan ini sejalan dengan pandangan al-Thībī dalam al-Mudhahir, bahawa tidak terdapat larangan syarak untuk mempelajari bahasa asing seperti Syriac, Hebrew, India, Turki, atau Parsi. Hal ini menunjukkan keluasan pandangan Islam terhadap ilmu dan bahasa sebagai alat komunikasi serta pemahaman terhadap peradaban lain.

Hadis ini secara jelas menunjukkan kelonggaran Islam terhadap batasan bidang ilmu. Rasulullah SAW bukan sahaja mendorong umatnya menuntut ilmu agama, tetapi juga ilmu pengetahuan yang dapat mendatangkan manfaat praktikal kepada masyarakat. Dalam konteks ini, pembelajaran terhadap tulisan Yahudi merupakan satu keperluan strategik yang berkaitan dengan urusan diplomatik dan keselamatan umat Islam pada masa itu.

Jika dikaitkan dengan konsep pembelajaran sendiri, hadis ini memperlihatkan bahawa Islam mengiktiraf kebebasan intelektual dan keaktifan individu dalam menentukan bidang ilmu yang ingin dikuasai. Rasulullah SAW memberikan ruang kepada sahabatnya untuk meneroka bidang ilmu baru yang belum dikuasai, sekaligus membentuk daya usaha dan autonomi dalam pembelajaran. Nilai-nilai seperti inisiatif, kebebasan memilih bidang ilmu, dan pembelajaran berasaskan keperluan merupakan prinsip utama dalam pembelajaran sendiri moden.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tiada sekatan dalam Islam terhadap bidang ilmu yang hendak dipelajari, selagi ilmu tersebut membawa manfaat dan tidak bertentangan dengan syariat. Pemisahan ilmu antara “agama” dan “dunia” tidak sepatutnya berlaku kerana kedua-duanya saling melengkapi dalam membentuk insan yang seimbang. Dalam hal ini, konsep pembelajaran sendiri sejalan dengan semangat pendidikan Islam, iaitu memberi kebebasan kepada individu untuk mengembangkan potensi dan kemampuan mereka melalui pelbagai bidang ilmu yang bermanfaat.

3.2.3 Kebebasan dalam Memilih Sumber Ilmu Dan Guru

Amalan pembelajaran sendiri sebenarnya telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Dalam tradisi pendidikan Islam awal, para sahabat diberi kebebasan untuk menuntut ilmu daripada sesiapa sahaja, asalkan ilmu yang dipelajari sah dan bermanfaat. Walau bagaimanapun, Rasulullah SAW tetap menekankan pentingnya menuntut ilmu daripada guru yang berautoriti dan pakar dalam bidangnya agar ilmu yang diperoleh tidak tersasar daripada kebenaran. Prinsip ini dijelaskan dalam sabda baginda yang diriwayatkan oleh al-Tabrani:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ الْمُعَلَّى الدِّمَشْقِيُّ، ثنا هِشَامُ بْنُ عَمَّارٍ، ثنا صَدَقَةُ بْنُ خَالِدٍ، ثنا عُثْبَةُ بْنُ أَبِي حَكِيمٍ، عَمَّنْ حَدَّثَهُ، عَنْ مُعَاوِيَةَ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ، وَالْفَقْهُ بِالتَّفَقُّهِ، وَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهُهُ فِي الدِّينِ، وَإِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ"

Maksudnya: Telah memberitahu kami Ahmad bin al-Mu'alli al-Dimasyqi, telah memberitahu kami Hisham bin Ammār, telah memberitahu kami Shadaqah bin Khālid, telah memberitahu kami Utbah bin Abī Hakim daripada orang itu. yang menceritakannya kepadanya, dari Muāwiyah, dia berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Wahai manusia, sesungguhnya ilmu diperoleh dengan belajar, dan kefahaman diperoleh dengan mendalami ilmu. Barangsiapa yang Allah kehendaki kebaikan baginya, nescaya Allah memberinya kefahaman dalam agama. Sesungguhnya yang paling takut kepada Allah dalam kalangan hamba-hamba-Nya ialah para ulama.”(Hadis Riwayat Al-Tabrani: 929)

Hadis ini menegaskan bahawa ilmu tidak datang secara spontan, tetapi mesti diperoleh melalui proses pembelajaran dan bimbingan. Ia juga menegaskan keperluan berguru dengan orang yang berilmu, bukan semata-mata bergantung kepada usaha individu tanpa panduan. Dalam konteks ini, kebebasan belajar dalam Islam bukan bermaksud bebas tanpa arah, tetapi bebas dalam memilih bidang dan sumber ilmu yang benar.

Para sahabat Nabi SAW amat menitikberatkan pemilihan guru yang memiliki sanad keilmuan yang jelas serta hubungan langsung dengan Rasulullah SAW. Mereka memahami bahawa keabsahan ilmu bergantung pada kesinambungan sanad tersebut. Hal ini digambarkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Hanbal, ketika sekumpulan sahabat bertanya kepada Huzaifah RA tentang siapakah yang paling dekat dengan Rasulullah SAW dalam hal bimbingan dan petunjuk:

حَدَّثَنَا حُسَيْنُ بْنُ مُحَمَّدٍ، حَدَّثَنَا إِسْرَائِيلُ، عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَزِيدَ قَالَ: أَتَيْنَا حُذَيْفَةَ فَقُلْنَا: دُلَّنَا عَلَى أَقْرَبِ النَّاسِ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَدْيًا وَسَمَنًا وَدَلًّا نَأْخُذُ عَنْهُ وَنَسْمَعُ مِنْهُ؟ فَقَالَ: "كَانَ مِنْ أَقْرَبِ النَّاسِ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَدْيًا وَسَمَنًا وَدَلًّا ابْنُ أُمِّ عَبْدِ اللَّهِ، حَتَّى يَتَوَارَى عَنِّي فِي بَيْتِهِ، وَلَقَدْ عَلِمَ الْمُحْفُوظُونَ مِنْ أَصْحَابِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّ ابْنَ أُمِّ عَبْدِ اللَّهِ مِنْ أَقْرَبِهِمْ إِلَى اللَّهِ رُفَقَةً"

Maksudnya: Telah memberitahu kami Husain bin Muhammad, telah memberitahu kami Isrā'īl, daripada Abū Ishāq, daripada Abd al-Rahman bin Yazīd dia berkata: Kami datang kepada Huzaifah lalu kami berkata: "tunjukkan kepada kami orang itu. paling dekat dengan Rasulullah SAW dengan petunjuk dan jalan dan hidayah yang boleh kita ambil dan dengar daripada baginda?

Huzaifah menjawab: “Orang yang paling dekat dengan Rasulullah SAW dari segi petunjuk, akhlak, dan perilaku ialah Ibn Ummi ‘Abd.” Maka dia bersembunyi dariku di rumahnya, dan orang yang terjaga di antara sahabat Muhammad SAW mengetahui bahawa Ibn Ummi ‘Abd adalah daripada orang yang paling dekat dengan Allah SWT. (Hadis Riwayat Ibn Hanbal:23308)

Konteks ini menunjukkan bahawa sahabat sangat berhati-hati dalam memilih sumber ilmu, dan mereka mengutamakan pembelajaran daripada tokoh yang paling dekat dengan ajaran Rasulullah SAW. Prinsip ini menjadi asas kepada budaya talakki (berguru secara langsung), yang menjadi tradisi kuat dalam pendidikan Islam hingga kini.

Selain itu, Sayyidah Aisyah RA juga menganjurkan agar ilmu diperoleh daripada mereka yang pernah berguru dengan Rasulullah SAW, sebagaimana diriwayatkan dalam Sahih Muslim ketika beliau menyarankan Urwah bin al-Zubair menemui Abdullah bin ‘Amr untuk menanyakan hadis:

حَدَّثَنَا حَرْمَلَةُ بْنُ يَحْيَى التَّجِيبِيُّ، أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ وَهَبٍ، حَدَّثَنِي أَبُو شَرِيحٍ، أَنَّ أَبَا الْأَسْوَدَ، حَدَّثَهُ عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ، قَالَ: قَالَتْ لِي عَائِشَةُ: يَا ابْنَ أَخْتِي بَلِّغْنِي أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَمْرٍو، مَارًّا بِنَا إِلَى الْحَجِّ، فَأَلْفَهُ فَسَأَلْنَاهُ، فَإِنَّهُ قَدْ حَمَلَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِلْمًا كَثِيرًا، قَالَ: فَلَقِينَاهُ فَسَأَلْنَاهُ عَنْ أَشْيَاءَ يَذْكُرُهَا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: Telah memberitahu kami Harmalah bin Yahya al-Tajibi, telah memberitahu kami Abdullah bin Wahb. Telah memberitahuku Abū Syuraih, bahawa Abū al-Aswad, telah memberitahunya daripada Urwah bin al-Zubair, dia berkata: Sayyidah 'Aisyah berkata kepadaku: Wahai anak saudara perempuanku (anak saudaraku), ia telah datang kepadaku bahawa Abdullah bin Amru telah melewati kami dalam ibadah haji, aku bertemu dengannya dan bertanya kepadanya, sesungguhnya dia telah membawa banyak ilmu daripada Rasulullah SAW, dia berkata: Aku telah bertemu dengannya dan aku bertanya kepadanya tentang segala yang dikatakannya daripada Rasulullah SAW. (Hadis Riwayat Muslim: 2673)

Atsar ini memperlihatkan bahawa keilmuan yang sahih diperoleh melalui hubungan langsung atau tidak langsung dengan sumber utama ilmu, iaitu Rasulullah SAW sendiri. Ini menggambarkan kesinambungan rangkaian ilmu dalam Islam yang berasaskan kepada tradisi pembelajaran dan bimbingan guru.

Dalam beberapa riwayat lain pula, sahabat digambarkan sanggup menempuh perjalanan jauh hanya untuk mendapatkan satu hadis sahaja daripada perawi yang dipercayai. Contohnya, seorang sahabat Rasulullah SAW melakukan perjalanan ke Mesir untuk menemui Fadhālah bin ‘Ubaid semata-mata ingin memastikan kebenaran satu hadis yang didengarnya. Hal ini dapat dilihat pada atsar berikut:

حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ، قَالَ: أَخْبَرَنِي الْجَرِيرِيُّ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُرَيْدَةَ، أَنَّ رَجُلًا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَحَلَ إِلَى فَضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ وَهُوَ بِمِصْرَ فَقَدِمَ عَلَيْهِ وَهُوَ يَمْدُ نَاقَةً لَهُ فَقَالَ: إِنِّي لَمْ أَتِكَ زَائِرًا إِنَّمَا أَتَيْتُكَ لِحَدِيثٍ بَلِّغْنِي عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجَوْتُ أَنْ يَكُونَ عِنْدَكَ مِنْهُ عِلْمٌ فَرَأَاهُ شَعْنًا فَقَالَ: مَا لِي أَرَاكَ شَعْنًا وَأَنْتَ أَمِيرُ الْبَلَدِ؟ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ " يَنْهَانَا عَنْ كَثِيرٍ مِنَ الْإِرْفَاءِ وَرَأَاهُ حَافِيًا، فَقَالَ: مَا لِي أَرَاكَ حَافِيًا؟ قَالَ: " إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَنَا أَنْ نَحْتَفِيَ أَحْيَانًا "

Maksudnya: Telah diceritakan kepada kami Yazīd bin Hārūn, dia berkata: Telah dikhabarkan kepadaku al-Jurairī, daripada Abdullah bin Buraidah bahawa seorang lelaki yang merupakan sahabat Rasulullah SAW telah bermusafir ke Fadhālah bin ' Ubaid sedang berada di Mesir, dia datang kepadanya sambil menghulurkan untanya kepadanya lalu berkata: Aku datang kepadamu

bukan kerana ziarah, tetapi aku datang kepadamu kerana hadis yang sampai kepadaku daripada Rasulullah SAW, aku semoga mendapat maklumat daripada anda. Dia melihat dia kusut dan berkata: Mengapa saya melihat kamu kusut sedangkan kamu adalah pemimpin negara? Jawabnya: “Sesungguhnya Rasulullah SAW kadang-kadang melarang kami terlalu bermewah-mewah.” Kemudian baginda melihat baginda berkaki ayam lalu bertanya: Mengapa aku melihat kamu berkaki ayam? Lalu baginda menjawab: Sesungguhnya Rasulullah SAW menyuruh kami berkaki ayam sekali-sekala. (Hadis Riwayat Abu Dawud: 4160)

Sikap sahabat ini menggambarkan semangat pembelajaran sendiri yang tinggi, diiringi disiplin intelektual dan kejujuran ilmiah dalam mencari ilmu yang sahih.

Keseluruhannya, amalan para sahabat menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf kebebasan dalam pembelajaran, namun tetap meletakkan sempadan etika dan metodologi yang jelas. Kebebasan dalam belajar bukan bermaksud tanpa panduan, tetapi memberi ruang kepada individu untuk mengembangkan potensi dan minat masing-masing di bawah bimbingan ilmu yang benar.

Menariknya, konsep kebebasan dalam pendidikan ini turut diaplikasikan dalam konteks moden. Misalnya, negara Chile pada era pembaharuan neo-liberal antara tahun 1973 hingga 1990 melaksanakan dasar pendidikan yang memberi kebebasan kepada keluarga untuk memilih sekolah bagi anak-anak mereka. Langkah ini mencetuskan persaingan sihat antara sekolah awam dan swasta serta memperkukuh tanggungjawab individu dalam memilih bentuk pendidikan yang terbaik (Verger et al., 2016). Oleh itu, sama ada dalam konteks sejarah Islam mahupun sistem pendidikan moden, kebebasan belajar dan tanggungjawab sendiri merupakan asas penting dalam pembangunan ilmu. Islam telah mendahului konsep ini dengan menekankan keseimbangan antara kebebasan, bimbingan, dan keautentikan ilmu melalui tradisi sanad dan adab berguru.

3.2.4 Orang yang Berilmu Wajib Berkongsi Ilmunya Dan Memberi Manfaat Kepada Orang Lain

Dalam konteks pembelajaran sendiri, tanggungjawab seorang guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi juga berperanan sebagai pembimbing yang membantu pelajar mengembangkan potensi diri melalui pelbagai pendekatan, model dan kaedah pembelajaran yang sesuai (Tamuri et al 2010). Proses pembelajaran yang efektif bukan hanya bergantung kepada keaktifan pelajar dalam meneroka ilmu, tetapi turut menuntut keikhlasan dan keterbukaan guru dalam berkongsi pengetahuan yang dimilikinya.

Ajaran Islam menegaskan prinsip ini dengan jelas. Ilmu yang dimiliki bukan untuk disimpan, sebaliknya perlu dikongsi agar memberi manfaat kepada masyarakat. Seseorang yang berilmu mempunyai tanggungjawab moral dan spiritual untuk menyebarkan ilmunya kepada orang lain. Prinsip ini digariskan dalam sabda Rasulullah SAW:

أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ سَعِيدِ الْوَاسِطِيِّ، ثنا أَزْهَرُ بْنُ مَرْوَانَ، ثنا عَبْدُ الْوَارِثِ بْنُ سَعِيدٍ، ثنا عَلِيُّ بْنُ الْحَكَمِ، عَنْ عَطَاءٍ، عَنْ رَجُلٍ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ سَتَلَ عَنْ عِلْمٍ فَكَتَمَهُ أَلْجَمَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِلِجَامٍ مِنْ نَارٍ"

Maksudnya: Telah memberitahu kepada kami Muhammad bin Ahmad bin Sa'īd al-Wāsiṭī telah memberitahu kami Azhar bin Marwān, telah memberitahu kami Abd al-Wārits bin Sa'īd, telah memberitahu kami 'Ali bin al- Hakam, daripada 'Athā', daripada seorang lelaki, daripada Abū Hurairah, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang ditanya tentang ilmu kemudian menyembunyikannya, Allah SWT akan mengikatnya dengan tali kekang daripada api neraka pada hari kiamat.” (Hadis Riwayat al-Hakim: 349)

Hadis ini menegaskan bahawa menyembunyikan ilmu merupakan satu bentuk pengkhianatan terhadap amanah keilmuan (Rohyan Amanda, 2025). Ilmu dalam Islam bukan hak milik peribadi, tetapi merupakan amanah yang mesti dimanfaatkan untuk kemaslahatan umat. Oleh itu, seseorang yang berilmu wajib menunaikan tanggungjawab sosialnya dengan menyampaikan ilmu kepada mereka yang memerlukan, sesuai dengan tahap kefahaman dan keperluan masyarakat.

Dalam sebuah hadis lain, Rasulullah SAW turut menegaskan kedudukan orang berilmu yang memberi manfaat kepada orang lain sebagai sebaik-baik manusia. Sabda Baginda SAW:

أفضل الناس المؤمن العالم الذي إذا احتيج إليه نفع، وإن استغني عنه أغنى نفسه

Maksudnya: Sebaik-baik manusia ialah seorang mukmin yang berilmu; apabila orang memerlukan bantuannya, dia memberi manfaat, dan apabila tidak diperlukan, dia mencukupi dirinya sendiri. (Hadis Riwayat Imam Baihaqi dalam kitab *Syua'b al-Iman*)

Walaupun hadis ini dinilai *da'if* dari segi sanad, namun maknanya tetap sahih kerana selaras dengan prinsip umum Islam yang menekankan pentingnya manfaat dan kesejahteraan sosial (masalah). Seseorang yang berilmu seharusnya menjadi sumber manfaat bagi masyarakat, bukan hanya menyimpan ilmu untuk kepentingan diri sendiri.

Dalam konteks pembelajaran sendiri, prinsip ini bermaksud bahawa proses memperoleh ilmu harus disertai dengan niat untuk berkongsi dan memberi sumbangan kepada orang lain. Ilmu yang tidak diamalkan atau tidak disampaikan akan kehilangan nilai sosialnya. Justeru, baik dalam sistem pendidikan formal mahupun melalui pembelajaran sendiri, matlamat akhir ilmu ialah melahirkan insan yang mampu berbakti dan memberi manfaat kepada sesama manusia.

Dengan demikian, ajaran Islam menegaskan bahawa ilmu yang bermanfaat bukan sekadar pengetahuan yang dimiliki, tetapi ilmu yang diamalkan dan disebar (Muhammad Abdullah Fauzan et al, 2024). Ini selari dengan roh pembelajaran sendiri yang menuntut setiap individu bukan sahaja aktif mencari ilmu, tetapi juga bertanggungjawab terhadap pengembangannya demi kemajuan diri, masyarakat dan umat secara keseluruhan.

3.2.5 Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran sepanjang hayat merupakan satu proses yang berterusan dan dinamik, di mana individu sentiasa memperoleh pengetahuan dan kemahiran baharu sepanjang kehidupannya. Ia bukan sahaja berlaku dalam konteks formal seperti sekolah atau universiti, tetapi juga melalui pengalaman sosial, pekerjaan, dan interaksi dengan masyarakat. Carlson (2019) menjelaskan bahawa pembelajaran sepanjang hayat berlaku melalui sokongan rakan sebaya, yang membantu pelajar menerapkan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan sebenar. Konsep ini menekankan bahawa proses pembelajaran tidak terhenti pada satu tahap, sebaliknya berlangsung secara berterusan sebagai usaha pengembangan diri dan peningkatan kualiti hidup.

Menariknya, konsep pembelajaran sepanjang hayat bukanlah idea baharu dalam peradaban Islam. Menurut Habibah (2024), prinsip ini telah lama berakar dalam tradisi keilmuan Islam yang menekankan pentingnya menuntut ilmu sepanjang hayat. Islam tidak menghadkan proses pembelajaran kepada usia, status sosial, mahupun kedudukan seseorang. Hal ini tercermin dalam amalan para sahabat Rasulullah SAW yang terus menuntut ilmu walaupun sudah berusia dan memegang jawatan penting dalam masyarakat.

Antara contoh yang jelas ialah atsar daripada Sayyidina Umar bin al-Khattab yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

وَقَالَ عُمَرُ: "تَفَقَّهُوا قَبْلَ أَنْ تُسَوِّدُوا" قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ: "وَبَعْدَ أَنْ تُسَوِّدُوا وَقَدْ تَعَلَّمَ أَصْحَابُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي كِبَرٍ سِنَّهُمْ"

Maksudnya: Umar berkata, “Belajarlah sebelum kamu diangkat menjadi pemimpin.” Abu Abdullah menambah, “Dan juga setelah kamu menjadi pemimpin. Sesungguhnya para sahabat Rasulullah SAW terus belajar walaupun mereka sudah berusia.” (Hadis Riwayat Imam Bukhari:1552)

Atsar ini menggambarkan sikap terbuka dan kerendahan hati para sahabat dalam menuntut ilmu, tanpa mengira usia atau kedudukan. Mereka melihat ilmu sebagai keperluan rohani dan intelektual yang tidak pernah selesai. Kenyataan Umar bin al-Khattab ini juga membawa mesej bahawa tanggungjawab menuntut ilmu tidak berakhir walaupun seseorang telah mencapai tahap kematangan atau kepimpinan. Malah, semakin tinggi kedudukan seseorang, semakin besar tanggungjawabnya untuk memperkukuh ilmu demi melaksanakan amanah dengan adil dan bijaksana.

Dari perspektif falsafah pendidikan Islam, atsar ini menjadi sandaran kukuh bahawa pembelajaran sepanjang hayat merupakan sebahagian daripada tuntutan agama. Proses menuntut ilmu dianggap sebagai ibadah dan jalan menuju kematangan diri serta keredaan Allah SWT. Ini sejajar dengan prinsip *ta'allum* (belajar) dan *ta'lim* (mengajar) yang berterusan sepanjang hayat. Oleh itu, konsep pembelajaran sepanjang hayat dalam Islam bukan sekadar usaha meningkatkan kemahiran duniawi, tetapi juga satu bentuk pengabdian yang memupuk keseimbangan antara pembangunan intelektual, spiritual dan moral.

4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, konsep pembelajaran sendiri bertujuan memberi ruang dan kebebasan kepada guru serta pelajar untuk berinovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui pendekatan ini, pelajar digalakkan untuk mengembangkan minat, bakat dan potensi diri secara menyeluruh, di samping membina tanggungjawab sendiri terhadap proses memperoleh ilmu. Prinsip asas ini seiring dengan nilai-nilai Islam yang ditegaskan dalam hadis-hadis Nabi Muhammad SAW, khususnya yang menekankan lima aspek utama, iaitu: (1) kebebasan menuntut ilmu, (2) kebebasan memilih bidang ilmu, (3) kebebasan menentukan sumber ilmu dan guru, (4) kewajipan menyebarkan ilmu dan memberi manfaat kepada orang lain, serta (5) amalan pembelajaran sepanjang hayat.

Berdasarkan analisis terhadap hubungan antara pembelajaran sendiri dan hadis, penyelidikan selanjutnya disarankan untuk meneliti secara lebih mendalam perbandingan antara prinsip pembelajaran sendiri dan metodologi pembelajaran nabawi. Kajian seperti ini penting untuk memahami bagaimana kebebasan dalam menuntut ilmu, pemilihan sumber pembelajaran dan amalan pembelajaran berterusan diaplikasikan dalam tradisi pendidikan Rasulullah SAW, serta bagaimana nilai-nilai tersebut dapat disesuaikan dengan teori dan amalan pembelajaran sendiri kontemporari. Analisis perbandingan ini mampu memperlihatkan titik persamaan dan perbezaan dari segi falsafah pendidikan, pendekatan pedagogi, dan peranan guru sebagai pembimbing.

Di samping itu, penyelidikan masa hadapan juga perlu memberi perhatian terhadap implikasi konsep pembelajaran sendiri berasaskan hadis dalam konteks pembangunan kurikulum pendidikan Islam moden. Fokusnya boleh diberikan kepada penerjemahan prinsip hadis ke dalam reka bentuk kurikulum, kaedah pengajaran dan strategi penilaian yang menekankan pembelajaran aktif, reflektif dan berasaskan sendiri. Dalam masa yang sama, aspek cabaran dan peluang

pelaksanaan pendekatan ini di institusi pendidikan Islam perlu dikaji, termasuk kesediaan guru, budaya belajar pelajar dan sokongan organisasi pendidikan.

Akhir sekali, penyelidikan lanjutan juga wajar menilai persepsi serta amalan guru dan pelajar terhadap pembelajaran sendiri dalam kerangka nilai-nilai Islam, termasuk pengaruhnya terhadap motivasi, kecekapan sendiri dan hasil pembelajaran. Dalam era digital masa kini, peranan teknologi juga tidak boleh diketepikan kerana ia mampu memperkukuh pelaksanaan pembelajaran sendiri berasaskan hadis melalui platform digital yang memberi kebebasan kepada pelajar untuk memilih sumber dan strategi pembelajaran secara fleksibel. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong budaya pembelajaran berterusan, tetapi juga mencerminkan semangat Islam yang menekankan penyebaran ilmu, pembangunan potensi diri, dan amalan pembelajaran sepanjang hayat.

Penghargaan

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Penerbit UTM atas kesempatan yang diberikan untuk penerbitan artikel ini. Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran atau pembiayaan.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Al-Bukhārī, A. A. M. bin I. (2002). *Shahīh al-Bukhārī* (I). Dār Ibn Katsīr.
- Aleandri, G., & Refrigeri, L. (2013). Lifelong Learning, Training and Education in Globalized Economic Systems: Analysis and Perspectives. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 93, 1242–1248. DOI: <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.10.022>
- Al-Naisāburī, A. A. M. bin A. al-Hākīm. (2002). *Al-Mustadrak 'Ala al-Shahihain*. III (M. A. al-Qādir 'Athā, Ed.; II). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nisābūrī, A. al-H. M. bin al-Hajjāj al-Qusyairī. (2006). *Shahīh Muslim* (A. Q. Al-Fārābī, Ed.; I). Dār Thaibah li al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- Al-Qazwīniy, I. M. A. A. M. bin Y. (n.d.). *Sunan Ibnu Majah*. I (M. F. Abd al-Bāqī, Ed.). Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Safīrī, S. al-D. M. bin U. bin A. (2004). *Al-Majālis al-Wa'zhiyyah fi Syarh Abādits Khair al-Bariyyah: Vol. II* (A. F. Abd al-Rahman, Ed.; I). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Thabrānī, A. al-Q. S. bin A. (n.d.). *Al-Mu'jam al-Kabir*. XIX (H. 'Abd al-Majīd Al-Salafī, Ed.). Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Al-Thālibī, 'Ammār. (1998). *Ātsār Ibn Bādīs*. II (III). Al-Syirkah al-Jazāiriyyah.
- Al-Tirmidzi, A. 'Isā M. bin 'Isā. (1996). *Al-Jāmi' al-Kabir*. IV (B. 'Awwād Ma'rūf, Ed.; I). Dār al-Gharb al-Islāmiy.
- Aprilia, A., & Bustam, B. M. R. (2021). Konsep Merdeka Belajar dalam Perspektif Pendidikan Islam (Sebuah Kajian Historis). *TARBAWY: Indonesian Journal of Islamic Education*, 8(2), 159-168.

- Aslan, S. (2018). Investigating the relation between educational philosophies adopted by prospective teachers and their teaching-learning conceptions. *Pegem Eğitim ve Öğretim Dergisi*, 8(2), 307–326. DOI: <https://doi.org/10.14527/pegegog.2018.013>
- Arsyad, M., & Mukoyimah, S. (2023). Merdeka belajar dan kampus Merdeka: Kajian filsafat pendidikan Barat dan Timur serta realitasnya. *Jurnal Filsafat Indonesia*, 6(2), 291-302.
- Bada, D., & Olusegun, S. (n.d.). *Constructivism Learning Theory: A Paradigm for Teaching and Learning*.
- Brown, R. M. (n.d.). *The Civil Rights Movement's Early Embrace of Human Rights*.
- Carlson, E. R. (2019). Lifelong Learning: A Higher Order of Consciousness and a Construct for Faculty Development. *Journal of Oral and Maxillofacial Surgery*, 77(10), 1967.e1-1967.e8. DOI: <https://doi.org/10.1016/j.joms.2019.06.011>
- Darise, G. N. (2021). Pendidikan Agama Islam Dalam Konteks “Merdeka Belajar”. *The Teacher of Civilization: Islamic Education Journal*, 2(2), 1-18.
- Dewey, J. (1916). *Democracy and Education* (P. Monroe, Ed.). The Macmillan Company.
- Do, T.-T., Thi Tinh, P., Tran-Thi, H.-G., Bui, D. M., Pham, T. O., Nguyen-Le, V.-A., & Nguyen, T.-T. (2021). Research on lifelong learning in Southeast Asia: A bibliometrics review between 1972 and 2019. *Cogent Education*, 8(1), 1994361. DOI: <https://doi.org/10.1080/2331186X.2021.1994361>
- Edwards, S., Kemp, A. T., & Page, C. S. (2014). *The Middle School Philosophy: Do We Practice What We Preach Or Do We Preach Something Different?*
- Embracing a culture of lifelong learning: Contribution to the Futures of Education initiative;report;a transdisciplinary expert consultation.* (2020). UNESCO Institute for Lifelong Learning.
- Ertmer, P. A., & Newby, T. J. (2013). Behaviorism, Cognitivism, Constructivism: Comparing Critical Features From an Instructional Design Perspective. *Performance Improvement Quarterly*, 26(2), 43–71. DOI: <https://doi.org/10.1002/piq.21143>
- Fariq, W. M., Zamsiswaya, Z., & Tambak, S. (2022). Telaah Kepustakaan (Narrative, Tinjauan Sistematis, Meta-Analysis, Meta-Synthesis) dan Teori (Kualitatif, Kualitatif, Mix Method) . *Journal Social Society*, 2(2), 75–84. DOI: <https://doi.org/10.54065/jss.2.2.2022.264>
- Fariq, W. (2022). Pemikiran Pendidikan Islam Perspektif Muhammad ‘Abid Al-Jabiri. Ta’allum: *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2), 160-190. DOI: <https://doi.org/10.21274/taalum.2022.10.2.160-190>
- Fariq, W. M. (2023). Analisis Deskriptif Inovasi Strategi dan Metode Pembelajaran dalam Kerangka Merdeka Belajar. *Didaktika: Jurnal Kependidikan*, 12(3), 189-202. DOI: <https://doi.org/10.58230/27454312.215>
- Filho, W. L., Mifsud, M., & Pace, P. (Eds.). (2018). *Handbook of Lifelong Learning for Sustainable Development*. Springer International Publishing.
- Fosnot, C. T. (Ed.). (2005). *Constructivism: Theory, Perspectives, and Practice*. Teachers College Press.
- Habibah, I. L. (2024). Telaah Konsep Pembelajar Sepanjang Hayat Dari Sudut Pandang Al-Quran Dan Merdeka Belajar. *JUPI (Jurnal Ilmiah Pendidikan Islam)*, 3(1), 78-87.

- Hanief, M., & Hidayatullah, M. F. (2023). Bagaimana Relasi Pesantren dengan Konsep Merdeka Belajar? Mengurai Kajian Historis-Filosofis. *Indonesian Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(2), 239-252.
- Ibnu Hanbal, A.-I. A. (2001). *Musnad al-Imām Ahmad bin Hanbal: Vol. XXXIX* (S. Al-Arnauth, J. 'Abdullathīf, 'Ādil Mursyid, & S. Al-Lahām, Eds.; I). Mu'assasah al-Risālāh.
- Ibnu Musa, M. I. S. al-'Allāmah 'Alī bin Ā. (2006). *Masyāriq al-Anwār al-Wahbājah wa Mathālī' li al-Asrār al-Bahbājah fī Syarh Sunan al-Imām Ibn Mājah. IV* (I). Dār al-Mughnī.
- Indriyani, N. (2022). Konsep Pendidikan Merdeka Belajar Dalam Pandangan Filsafat Humanisme. *Pendas: Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar*, 7(2), 668-682.
- Jason, L. A., & Glenwick, D. S. (Eds.). (2016). *Handbook of Methodological Approaches to Community—Based Research; Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods*. Oxford University Press.
- Johnson, A. P. (n.d.). *Humanistic And Holistic Learning Theory*. Minnesota State University.
- Kafūri, A. al-'Alī M. A. al-R. bin A. al-Rahīm al-Mabār. (n.d.). *Tuhfah al-Ahwazī bi Syarh Jāmi' al-Tarmidzī: Vol. IV* (A. al-R. M. Utsmān, Ed.). Dār al-Fikr.
- Kaya, C., & Kaya, S. (2017). Prospective Teachers' Educational Beliefs and Their Views about the Principles of Critical Pedagogy. *Journal of Education and Learning*, 6(4), 181. DOI: <https://doi.org/10.5539/jel.v6n4p181>
- Munīs, S. (1996). *Muhammad Shallāhu 'Alaihi Wa Sallam wa al-Mar'ah* (I). Al-Maktabah al-Akādimiyyah.
- Muslim, A. (2023). Landasan Filsafat Idealisme dan Implementasi Kurikulum Merdeka Belajar. *Journal of Education Technology Information Social Sciences and Health*, 1(1), 34-40.
- Peters, E. (2018). *Malala Yousafzai; Pakistani Activist for Female Education* (I). The Rosen Publishing Group, Inc.
- Riyaldi, Rino, Muslim Muslim, and M. Kafrawi. "Six Forms, Multiple Meanings: Unpacking The Yasinan Tradition As a Living Engagement With The Qur'an In Rural Indonesia". *Madinah: Jurnal Studi Islam* 12(1), 84–101. Accessed July 9, 2025. <https://ejournal.iaitabrah.ac.id/madinah/article/view/3426>.
- Sabri, M., & Syukri, I. (2023). Distingsi Tipologi Kurikulum Merdeka Belajar Dengan Metode Merfdeka Belajar Rasulullah SAW. *Tadbiruna*, 3(1), 27-34.
- Saiful, F. E. P., Hasanah, M., & Majid, A. B. A. (2024). Implementasi Kurikulum Merdeka dalam Meningkatkan Minat Bakat Siswa. *Journal of Science and Education Research*, 3(2), 5-10. DOI: <https://doi.org/10.62759/jser.v3i2.108>
- Salmiyanti, S., & Desyandri, D. (2023). Implementasi Kurikulum Merdeka Belajar Dalam Pandangan Filsafat Idealisme. *Jurnal Ilmiah Universitas Batanghari Jambi*, 23(2), 1371-1375.
- Solihah, S. N., Nurislamia, S., & Kurniawan, A. F. (2024). Konsep Merdeka Belajar dalam Perspektif Filsafat Pendidikan Aliran Esensialisme. *Equilibrium: Jurnal Pendidikan*, 12(1), 110-117.
- Tamuri, A. H., & Ajuhary, M. K. A. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.

- Talmage, C. A., Lacher, R. G., Pstross, M., Knopf, R. C., & Burkhart, K. A. (2015). Captivating Lifelong Learners in the Third Age: Lessons Learned From a University-Based Institute. *Adult Education Quarterly*, 65(3), 232–249. DOI: <https://doi.org/10.1177/0741713615577109>
- Thomas, G. (2021). *Education; A Very Short Introduction* (II). Oxford University Press.
- UNESCO. (2015). *Rethinking education; towards a global common good?* UNESCO Publishing.
- Verger, A., Fontdevila, C., & Zancajo, A. (2016). *The Privatization of Education; A Political Economy of Global Education Reform*. Teachers College Press.
- Wulandari, W., & Fauziati, E. (2022). Merdeka Belajar Dalam Perspektif Pendidikan Yang Membebaskan Paulo Freire. *Journal of Syntax Literate*, 7(3).
- Ya, M., & Aung, Y. M. (2020). Humanism and Education. *International Journal of Advanced Research in Science, Engineering and Technology*, 7, 13555-13562 .
- Yusuf, M., & Arfiansyah, W. (2021). Konsep “merdeka belajar” dalam pandangan filsafat konstruktivisme. *AL-MURABBI: Jurnal Studi Kependidikan Dan Keislaman*, 7(2), 120-133.